



TAJUK KHUTBAH JUMAAT
Siri: 39/2021

**MENCINTAI RASULULLAH S.A.W KUNCI
KESEMPURNAAN IMAN**

01 Rabiul Awal 1443 H
Bersamaan
08 Oktober 2021

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang **penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah** yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan **helaian muka surat yang diterima**. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمَرَنَا بِحُبِّ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَسَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ،
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوهُ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

Wahai hamba-hamba Allah! Tingkatkanlah ketakwaan dan ketaatan kita kepada Allah dengan melaksanakan segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya mudah-mudahan kita akan mendapat rahmat Allah s.w.t. di dunia dan di akhirat. Sempena dengan bulan kelahiran Nabi saw, maka tajuk khutbah kita pada hari ini membicarakan tentang:

Mencintai Rasulullah s.a.w Kunci Kesempurnaan Iman

Ikhwaniyal muslimin yang berbahagia

Marilah kita sama- sama memanjatkan kesyukuran ke hadhrat Allah s.w.t kerana kita dilahirkan sebagai umat Nabi Muhammad s.a.w, umat yang akan menjadi saksi terhadap umat-umat yang lain di hari akhirat nanti. Baginda s.a.w merupakan penghulu dan penutup segala Nabi, yang membawa rahmat bagi seluruh alam. Firman Allah dalam surah al Anbiyaa' ayat 107:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

Yang bermaksud: Dan tiadalah Kami mengutuskan Engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

Sidang Jumaat yang diberkati Allah sekalian,

Baginda s.a.w telah berkorban segala-galanya demi membawa risalah Islam untuk umatnya. Tanpa pengorbanan Baginda s.a.w bersama para sahabatnya, sudah tentu kita tidak akan dapat mengecapi nikmat Islam dan nikmat Iman sebagaimana yang kita anuti sekarang ini. Malah Baginda s.a.w juga merupakan seorang pemimpin yang sangat prihatin dan mengambil berat terhadap keadaan umatnya yang beriman. Ini telah dijelaskan oleh Allah s.w.t dalam surah al Taubah ayat 128:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ

عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾

Yang bermaksud: Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad s.a.w), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat mengharapkan kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman.

Justeru, sebagai menghargai dan menyanjung tinggi pengorbanan Baginda saw, kita wajib menzahirkan kasih sayang dan kecintaan kepada Baginda s.a.w lebih daripada segala-galanya. Sabda Rasulullah s.a.w:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

Yang bermaksud : Tidak sempurna iman seseorang kamu sehingga dia mencintai aku lebih dari bapanya, anaknya dan manusia keseluruhannya. (H.R Bukhari dan Muslim)

Sidang Jumaat yang dimuliai Allah sekalian!

Kecintaan kepada Rasulullah s.a.w tidak memadai dengan hanya ucapan dengan lidah: “aku cinta kepadamu”, tetapi mestilah dibuktikan melalui perbuatan. Antara perbuatan-perbuatan yang menunjukkan kecintaan kita kepada Baginda s.a.w ialah:

Pertama: Beriman kepada Rasulullah s.a.w dan menerima serta mengamalkan apa jua yang dibawa oleh Baginda s.a.w kepada kita dan meninggalkan segala apa jua yang dilarang olehnya, sebagai mematuhi kepada apa yang diperintah oleh Allah s.w.t. Firman Allah dalam surah al Hasyr ayat 7:

﴿ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَنْهَكُمُ عَنْهُ فَأَنْهَوْا ۚ وَأْتَقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ۗ ﴾

Yang bermaksud: ... Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu dari melakukannya maka patuhilah larangannya. dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya).

Kedua: Menghayati sunnah Rasulullah s.a.w. dan menjadikan Baginda s.a.w sebagai contoh tauladan dalam kehidupan seharian sama ada dalam ibadah,akhlak dan kehidupan bermasyarakat seperti mendirikan solat Fardhu secara berjemaah, sama ada di masjid, di surau atau di mana sahaja kita berada, melakukan amalan-amalan sunat seperti solat sunat rawatib, sunat Dhuha, sunat

Witir, berpuasa sunat sekurang-kurangnya tiga hari setiap bulan dan sebagainya. Allah s.w.t berfirman dalam surah al Ahzab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Yang bermaksud: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

Ketiga: Memperbanyakkan berselawat ke atas Rasulullah s.a.w. terutama sekali pada hari Jumaat yang menjadi penghulu hari. Berselawat ke atas Baginda s.a.w bukan sahaja menjadi simbol kecintaan kita kepada Baginda s.a.w , tetapi juga menjadi habuan kebaikan yang berlipat ganda. Sabda Baginda s.a.w :

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ وَاحِدَةً، صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرًا (رواه مسلم)

Yang bermaksud: Barangsiapa yang berselawat ke atasku satu kali, Allah akan berselawat ke atasnya sepuluh kali. (H.R. Muslim)

Keempat: Banyak berdoa dan berharap untuk bertemu dengan Rasulullah s.a.w serta menatap wajah Baginda s.a.w yang mulia itu. Sabda Baginda s.a.w :

مَنْ أَشَدَّ أُمَّتِي لِي حُبًّا نَّاسٌ يَكُونُونَ بَعْدِي يَوَدُّ أَحَدُهُمْ لَوْ رَأَى بِأَهْلِهِ وَمَالِهِ (رواه مسلم)

Yang bermaksud: Dari kalangan umatku yang paling mencintaiku ialah segolongan manusia yang datang kemudian daripada kewafatanku, lalu salah

seorang dari mereka ingin melihatku sehingga jikalau dengan membayar harga sebanyak seluruh ahli dan hartanya pun, ia sanggup.

(H.R. Muslim)

Kelima: Mencintai orang-orang yang dicintai oleh Rasulullah s.a.w, iaitu ahli keluarga Baginda s.a.w dan para sahabat Baginda s.a.w terutama sekali para khulafa' al Rasyidin. Sabda Rasulullah s.a.w:

لَا تَسُبُّوا أَصْحَابِي؛ فَلَوْ أَنَّ أَحَدَكُمْ أَنْفَقَ مِثْلَ أُحُدٍ ذَهَبًا، مَا بَلَغَ مُدًّا أَحَدِهِمْ وَلَا نَصِيفَهُ

(رواه البخاري)

Yang bermaksud: Janganlah kamu memaki hamun kepada para Sahabatku, kerana jika seseorang kamu menginfakkan emas sebesar Bukit Uhud sekalipun ia tidak akan mendapat ganjaran pahala yang sama dengan satu cupak yang seseorang mereka infakkan, malah tidak juga sama dengan setengah cupaknya (H.R Muslim)

Kesimpulannya:Sebagai tanda kecintaan kita kepada Rasulullah s.a.w. maka marilah sama-sama kita menghargai pengorbanan Baginda s.a.w dengan menerima apa yang dibawa oleh Baginda s.a.w dan meninggalkan apa yang Baginda s.a.w larang, menjadikan Baginda s.a.w sebagai contoh tauladan yang baik, menghayati segala sunnah Baginda s.a.w , memperbanyakkan berselawat ke atas Baginda s.a.w , berharap dan merindu untuk bertemu dengan Baginda s.a.w dan mencintai orang-orang yang dicintai oleh Baginda s.a.w.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَسُولٍ إِلَّا لِيُطَاعَ بِإِذْنِ اللَّهِ وَلَوْ أَنْهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ

جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَأَسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا رَحِيمًا ﴿٦٤﴾

Yang bermaksud: Dan Kami tidak mengutus seseorang Rasul pun melainkan supaya ia ditaati dengan izin Allah. dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ،

وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،

وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ

فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى
آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ

الْمَرْحُومِ السُّلْطَانَ مَحْمُودِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى

السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةِ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا

وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ

مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah selamatkan kami dan seluruh ummah Islam di mana jua mereka berada. Satukanlah persaudaraan dan perpaduan ummat Islam dengan ikatan yang erat dan kukuh. Mantapkanlah iman kami dan teguhkanlah pegangan kami menurut ahli sunnah wal jamaah, peliharakanlah kami dari amalan dan pegangan aqidah yang menyeleweng.

Ya Allah, bantu dan kasihilah kami dan seluruh ummat Islam dari kesusahan, wabak dan bala bencana. Lenyapkanlah wabak covid 19 dari bumiMu ini Ya Allah.. Ya Rahman.. Ya Rahim..

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمَكُمُ اللهُ.